



## Perhilitan tangkap pemburu pelanduk

**KUANTAN** - Dua anggota Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) dicekup oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) kerana memiliki dua ekor pelanduk betina yang diperolehi hasil pemburuan haram dalam serbuan di Felda Selindang, Rompin Ahad lalu.

Turut dirampas bersama dua lelaki berusia 44 dan 59 tahun yang berasal dari Melaka itu ialah dua laras senapang jenis *shot gun*, 79 butir peluru, tiga bilah parang, dua lampu suluh, 51 biji mentol dan 15 biji bateri.

Pengarah Perhilitan negeri, Khairiah Mohd. Shariif berkata, tangkapan kira-kira pukul 8.24 pagi itu dilakukan selepas pihaknya menerima maklumat daripada orang awam.

"Seramai sembilan anggota Unit Penguat Kuasa Rompin dan Muadzam telah menahan sebuah kereta yang dinaiki dua lelaki di pondok kawalan Polis Bantuan di Felda Selindang.

"Apabila diperiksa, kita menjumpai dua ekor pelanduk betina dengan kesan tembakan dalam but kenderaan itu," katanya pada sidang media di pejabat Perhilitan di sini semalam.

Hasil siasatan lanjut, Khairiah memberitahu, pihaknya mendapati mereka tidak memiliki surat kebenaran untuk memiliki haiwan eksotik itu yang dipercayai diburu di Sungai Mok berdekatan Hutan Simpan Lesong, Rompin.

"Dua lelaki berkenaan juga didapati tidak mempunyai lesen senjata api dan salah seorang daripadanya menggunakan senjata api milik orang lain," katanya.

Beliau berkata, dua lelaki itu akan didakwa mengikut Seksyen 69 Akta Perlindungan Liar 1972, Akta 76/72 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM6,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun enam bulan atau kedua-duanya sekali.



**KHAIRIAH** menunjukkan dua ekor pelanduk betina yang dirampas daripada pemburu haram di Kuantan semalam.